

TEKS UCAPAN

**Y.BHG. DATO' IR. HJ. ISMAIL B MD SALLEH
PERHIMPUNAN BULANAN 2/13**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI MOHD SALLEH BIN SANTHIMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BERUSAHA TN. HAJI RAHIM BIN GOON
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA IR. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN
PENGARAH KANAN PROJEK
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN
ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA HE HADRAT *ALLAH SWT*, KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN KEIZINANNYA, DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL PADA PAGI INI DALAM MAJLIS PERHIMPUNAN YANG KEDUA BAGI TAHUN 2013..

2. SELEPAS MENCATATKAN KEJAYAAN YANG LUAR BIASA PADA TAHUN PERTAMA PELAKSANAAN PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (G-T-P), KINI KERAJAAN MELANGKAH KE HADAPAN DENGAN PELAKSANAAN FASA KEDUA (GTP 2.0) YANG BAKAL MELONJAKKAN LAGI PEMBANGUNAN NEGARA KE PERINGKAT LEBIH TINGGI. FASA KEDUA G-T-P YANG TELAH BERMULA PADA TAHUN INI, BAKAL MENYAKSIKAN BEBERAPA LAGI INISIATIF BARU AKAN DILAKSANAKAN. ANTARANYA ADALAH USAHA MENGURANGKAN JENAYAH, MEMERANGI RASUAH DAN MENINGKATKAN TARAF EKONOMI LUAR BANDAR. GTP 2.0 INI JUGA MENYAKSIKAN PENGLIBATAN KERAJAAN DENGAN MASYARAKAT YANG LEBIH MELUAS SEKALIGUS MENYAKSIKAN SINERGI DAN PEMBABITAN YANG LEBIH BERMAKNA DI ANTARA SEKTOR AWAM DENGAN BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN DAN SEKTOR KORPORAT.

3. DALAM KONTEKS GTP 2.0 INI, LLM SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN MEMBANTU BIDANG KEBERHASILAN MENINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR DIMANA KITA SEBAGAI PEMANTAU JARINGAN LEBUH RAYA BERTOL MESTI MEMASTIKAN KUALITI PERKHIDMATAN YANG DITERIMA OLEH PENGGUNA LEBUH RAYA ADALAH YANG TERBAIK. TANGGUNGJAWAB SELIAN LLM PADA TAHUN 2013 ADALAH SEMAKIN MENCABAR DENGAN TERMETRAINYA 2 LAGI PERJANJIAN KONSESI LEBUH RAYA BARU IAITU LEBUHRAYA PANTAI BARAT (WCE) DAN LEBUHRAYA LEMBAH KLANG TIMUR (EKVE) YANG MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA KUALA LUMPUR OUTER RING ROAD (KLORR). KEDUA-DUA PROJEK LEBUH RAYA INI ADALAH SANGAT SINIFIKAN

DALAM MEMBANTU MENINGKATKAN JARINGAN PENGANGKUTAN DI SAMPING PERTUMBUHAN EKONOMI DIKAWASAN SEKITARNYA.

4. LLM JUGA KE ARAH MENTRANFORMASI PERKHIDMATAN DIMANA PADA PENGHUJUNG TAHUN 2012 LLM TELAH MENGADAKAN DUA PROGRAM RETREAT YANG MEMFOKUSKAN KEPADA MENGENALPASTI AKTIVITI KERJA SEMASA UNTUK DITAMBAHBAIK DENGAN MELAKSANAKAN TRANFORMASI TERUTAMANYA BERKAITAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEBUH RAYA SERTA ORGANISASI. DI DALAM PROGRAM INI, LIMA TERAS PENTING TELAH DIKENALPASTI BAGI MEMANTAP DAN MEMPERKUKUHKAN STRATEGI TRANSFORMASI LLM IAITU MEMPERKASAKAN PERANAN LLM DALAM PENGURUSAN LEBUH RAYA, MERAKYATKAN PERKHIDMATAN LEBUH RAYA, PENJANAAN PENDAPATAN LLM, PENGAWALSELIAAN KENDIRI DAN PEMBANGUNAN LEBUH RAYA PINTAR. UNTUK MAKLUMAN PEMBANGUNAN STRATEGI TRANSFORMASI INI SEDANG DALAM PERINGKAT AKHIR PENYEDIAANNYA.

5. SEBAGAIMANA HADIRIN SEDIA MAKLUM , LLM PADA SETIAP TAHUN TELAH MEMBANGUNKAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) YANG MENJADI KAYU PENGUKUR KEPADA PRESTASI LLM SEBAGAI BADAN KAWALSELIAAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEBUH RAYA .PADA TAHUN 2012, LLM TELAH MENGARISKAN 15 KPI YANG MERANGKUMI PEMBINAAN, PENGURUSAN DAN KAWALSELIAAN LEBUH RAYA SERTA PENINGKATAN IMEJ LLM. SUKACITA SAYA MAKLUMKAN BAHAWA PENCAPAIAN KPI LLM TAHUN 2012 ADALAH 92.08% IAITU SATU PENCAPAIAN YANG LEBIH BAIK BERBANDING 87.5% PADA TAHUN 2011. KEJAYAAN INI ADALAH HASIL DARIPADA USAHA GIGIH DAN KOMITMEN YANG BERTERUSAN WARGA LLM DALAM MEMASTIKAN PRESTASI LLM BERADA PADA TAHAP MAKSIMUM. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN. BUTIRAN TERPERINCI PENCAPAIAN KPI 2012 AKAN DIBENTANGKAN OLEH PENGARAH KANAN PENGURUSAN SEBENTAR NANTI. SAYA BERHARAP MOMENTUM KEJAYAAN INI DITERUSKAN DAN DIPERTINGKATKAN LAGI PADA TAHUN 2013.

SELAIN ITU, KITA JUGA TELAH MENCAPAI 91% PERBELANJAAN MENGURUS TAHUNAN BAGI TAHUN 2012 BERBANDING 85% PADA TAHUN 2011. SAYA JUGA BERHARAP AGAR SEMUA BAHAGIAN DAPAT MENYEMAK SEMULA BELANJAWAN 2013 DAN MEMBUAT PERANCANGAN DAN PEROLEHAN LEBIH AWAL AGAR PERBELANJAAN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN TERATUR. INI MENUNJUKKAN KITA BERJAYA MENGURUSKAN KEWANGAN DENGAN LEBIH CEKAP DISAMPING MELAKSANAKAN PERBELANJAAN BERHEMAH.

HADIRIN SEKALIAN

6. SEPERTI YANG TELAH DITEGASKAN OLEH YBHG. DATO' SRI KSN DI DALAM UCAPAN AMANAT 2013 KSN KEPADA PENJAWAT AWAM PADA 22 JANUARI YANG LALU, BAHAWA KERAJAAN TIDAK SESEKALI AKAN BERKOMPROMI TERHADAP PENJAWAT AWAM YANG DIDAPATI MEMBOCORKAN RAHSIA-RAHSIA KERAJAAN. KEGAGALAN DALAM PEMATUHAN UNDANG-UNDANG TERSEBUT AKAN MEMBOLEHKAN TINDAKAN TATATERTIB DIAMBIL MENGIKUT PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM 1993 ATAU PUN TINDAKAN PENDAKWAAN DI BAWAH AKTA RAHSIA RASMI 1972 (AKTA 88).

7. KEWIBAWAAN PENJAWAT AWAM DALAM MEMEGANG AMANAH KERAJAAN DAN RAKYAT ADALAH AMAT PENTING SEKALI. KITA SEHARUSNYA PERLU MEMPERTINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN DI ORGANISASI KITA BAGI MENJAMIN KERAHSIAAN DAN ASET KERAJAAN SENTIASA BERADA DI DALAM KEADAAN SELAMAT DAN TERKAWAL. KESELAMATAN PERLINDUNGAN MEMERLUKAN RANGKAIAN SISTEM DAN JALINAN KERJASAMA YANG BAIK SERTA PENJAWAT AWAM YANG SENTIASA KOMITED DAN PEKA DALAM MEMBERIKAN KEUTAMAAN UNTUK MENGEKALKAN TAHAP KESELAMATAN YANG TINGGI DI SETIAP AGENSI KERAJAAN. TRANSFORMASI JUGA PERLU DILAKUKAN BAGI MEMASTIKAN SEMUA ASPEK KESELAMATAN DIJAGA DAN DIJADIKAN AMALAN HARIAN, DEMI MENJAMIN KERAHSIAAN DAN ASET KERAJAAN SENTIASA TERPELIHARA. PEMATUHAN SECARA MENYELURUH DAN

KOMPREHENSIF TENTUNYA AKAN DAPAT MEMBERI IMPAK POSITIF TERHADAP KESELAMATAN, IMEJ PENTADBIRAN DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM SERTA MENINGKATKAN TAHAP KEYAKINAN DAN KEPERCAYAAN RAKYAT TERHADAP KERAJAAN.

8. KITA SEMUA PERLU SEDAR BAHAWA SEBARANG UNDANG-UNDANG, PERATURAN, ARAHAN ATAU PROSEDUR YANG BERKUAT KUASA MESTILAH DIPATUHI. JIKA TIDAK, BANYAK PIHAK AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN YANG BOLEH MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MELIPUTI KEGIATAN MEMALSUKAN DOKUMEN, MEMBOCORKAN MAKLUMAT SERTA MENYEBARKAN MAKLUMAT SULIT DAN SENSITIF KEPADA PIHAK LAIN. PERBUATAN MEMBOCORKAN RAHSIA KERAJAAN TIDAK BOLEH DIKOMPROMI SAMA SEKALI. DI SINI, SAYA INGIN MENINGATKAN BAHAWA TINDAKAN TEGAS AKAN DIAMBIL KE ATAS SEBARANG PELANGGARAN KESELAMATAN TERMASUKLAH KETIDAKPATUHAN, KECUAIAN, KELALAIAN SEHINGGA MENYEBABKAN BERLAKUNYA KEBOCORAN RAHSIA RASMI KERAJAAN DAN KECUAIAN PENGURUSAN ASET LLM.

HADIRIN SEKALIAN

9. AKHIR KATA SAYA MENYERU SUPAYA KITA BERSAMA-SAMA BERGADING BAHU DAN MENGGEMBELING SEGALA SUMBER YANG ADA BAGI MENYEMPURNAKAN TUGAS YANG DIAMANAHKAN. MARI KITA SEMUA MEMASTIKAN SUPAYA TAHUN 2013 AKAN MEMBAWA HASIL YANG LEBIH POSITIF KHUSUSNYA DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEPADA PELANGGAN KITA.

WABILLAHİ TAUFİK WALHİDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHİ WABARAKATUH.